Untuk Kegunaan Di Luar USA Sahaja • *In Vitro* Kegunaan Diagnostik • Jangan Guna Semula

ARAHAN PENGGUNAAN

Swauji HIV OraQuick® adalah peranti perubatan diagnostik in-vitro (IVD) yang digunakan untuk swauji antibodi bagi HIV-1 dan HIV-2 dalam bendalir oral. Ujian ini bertujuan sebagai bantuan untuk mengesan antibodi kepada HIV-1 dan HIV-2 daripada individu yang dijangkiti. **Anda mesti mengikut arahan ujian dengan teliti untuk mendapat keputusan yang tepat.**

AMARAN: Jika anda sedang menjalani rawatan HIV anda mungkin mendapat keputusan yang salah. Data klinikal belum dikumpul untuk menunjukkan prestasi Swauji HIV OraQuick® pada individu yang sedang menjalani PrEP.

Jangan makan atau minum sekurang-kurangnya 15 minit sebelum anda memulakan ujian atau menggunakan produk pembersih mulut 30 minit sebelum anda memulakan ujian.

LIHAT ARAHAN
bit.ly/OQHIVSTmalay

LIHAT ARAHAN
oraquick.com

SINGAPORE MALAY
SINGAPORE TAMIL
ORAQUICK®
SWAUJI HIV

CARA MENGGUNAKAN KIT SWAUJI HIV ORAQUICK®

ANDA MEMERLUKAN CARA UNTUK MENCATAT MASA UJIAN

Kit mengandungi: **kit ujian, tempat ujian, arahan penggunaan** and **beg pelupusan.** Keluarkan item-item tersebut untuk memulakan pengujian.

Kit ujian anda mengandungi dua kantung.

Koyakkan kantung yang mengandungi **tabung.**

Tanggalkan penutup.

JANGAN curah cecair itu. **JANGAN** minum.

Sorong tabung ke **tempat letak.**

Koyakkan kantung yang mengandungi **peranti ujian** dan keluarkan. **JANGAN** sentuh pad rata dengan jari anda. **JANGAN** makan atau telan pengawet.



Tekan **Pad Rata** dengan kemas terhadap gusi anda dan kesatkan sepanjang **gusi atas anda sekali** (raj. 1) dan **gusi bawah anda sekali** (raj. 2).

Letakkan **pad rata** jauh ke dalam tabung sehingga ia menyentuh bahagian bawah.



TINGGALKAN IA DI SITU selama 20 MINIT sebelum membaca keputusan.

JANGAN baca keputusan selepas 40 minit.

MENTAFSIR KEPUTUSAN — Baca keputusan ujian di kawasan terang

KEPUTUSAN HIV POSITIF



Dua garisan lengkap, walaupun garisannya kabur, ia bermaksud anda mungkin HIV POSITIF dan perlu meminta pengujian tambahan oleh ahli profesional yang terlatih untuk mengesahkan diagnosis HIV.

99.4% daripada mereka (152 daripada 153) telah melaporkan keputusan mereka dengan betul sebagai positif. Ini bermaksud 1 daripada 153 orang yang dijangkiti HIV telah melaporkan keputusan ujian negatif. Ini dipanggil negatif palsu.

Secepat mungkin . . .

Kunjungi Pusat Pengujian HIV atau Kemudahan Kesihatan anda yang terdekat

KEPUTUSAN HIV NEGATIF

JIKA DIBACA SEBELUM 20 MINIT, KEPUTUSANNYA MUNGKIN TIDAK BETUL

SATU GARISAN di sebelah "C" dan TIADA garisan di sebelah "T", keputusan anda adalah HIV NEGATIF.

99.0% daripada mereka (717/724) telah melaporkan keputusan mereka dengan betul sebagai positif. Ini bermaksud 7 daripada 724 orang yang tidak dijangkiti HIV telah melaporkan keputusan ujian positif. Ini dipanggil positif palsu.

Minta pengujian berkala. Jika anda mungkin terdedah kepada HIV, buat ujian sekali lagi dalam 3 bulan.

KEPUTUSAN TIDAK SAH

Jika tiada garisan di sebelah "C" (walaupun ada garisan di sebelah "T"), garisan ujian atau garisan kawalan itu tidak lengkap (merentasi seluruh tetingkap), atau latar belakang merah menyebabkan keputusannya tidak dapat dibaca, ujian ini tidak berfungsi dan harus diulang. **Anda perlu mendapatkan ujian lain.**

1.8% daripada subjek kajian (16 daripada 900) gagal memperoleh keputusan ujian.

Ujian tidak berfungsi dengan sempurna.

Kunjungi Pusat Pengujian HIV atau Kemudahan Kesihatan anda yang terdekat untuk membuat ujian sekali lagi.

TIDAK PASTI DENGAN KEPUTUSAN

Anda tidak tahu keputusan anda atau anda tidak pasti dengan keputusan anda. Kunjungi Pusat Pengujian HIV atau Kemudahan Kesihatan anda yang terdekat untuk membuat ujian sekali lagi.

LUPUS

Keluarkan batang ujian, letakkan penutup pada tabung uji, masukkan ke dalam beg pelupusan yang disediakan dan buang semua kandungan di dalam tong sampah biasa.

MAKLUMAT PRODUK

REF **5X4-1000, 5X4-1001, 5X4-2001**

AMARAN DAN PENGAWASAN

- **JANGAN** gunakan ujian ini jika anda HIV positif.
- **JANGAN** gunak ujian ini jika ia telah terdedah kepada produk pembersih rumah (iaitu peluntur).
- Tanggalkan produk pergigian seperti dentur atau sebarang produk lain yang menutup gusi anda sebelum pengumpulan bendalir oral.
- Jika anda mengambil bahagian dalam percubaan klinikal vaksin HIV, anda mungkin mendapat keputusan positif menggunakan ujian ini, tetapi itu tidak bermaksud yang anda telah dijangkiti HIV. Anda harus meminta susulan dengan kemudahan kesihatan anda.
- **JANGAN** gunakan jika mana-mana kandungan pembungkusan ini hilang, pecah atau terbuka.
- Jika hari ini melepasi 'Guna Sebelum' di luar kantung, jangan gunakan ujian ini.

PENGEHADAN TERHADAP UJIAN

- Pendarahan oral boleh menyebabkan keputusan yang tidak sah. Jika keputusan ujian tidak sah, kunjungi pusat pengujian atau kemudahan kesihatan anda yang terdekat.
- Swauji HIV OraQuick® tidak boleh mengesan jangkitan HIV yang telah berlaku dalam tempoh 3 bulan lepas.
- Untuk keputusan positif, keamatan garisan ujian tidak semestinya sama dengan jumlah antibodi di dalam spesimen.
- Produk ini belum dinilai untuk kegunaan dalam swauji bagi individu berumur kurang dari 18 tahun.

BAHAN YANG MENGGANGGU DAN KEADAAN PERUBATAN YANG TIDAK BERKAITAN

Jika anda positif HBV, HCV atau HTLV (I/II), anda mungkin mendapat keputusan yang salah. Pengguna disyorkan supaya mematuhi 15 minit tempoh menunggu selepas Makan dan Minum serta 30 minit tempoh menunggu selepas menggunakan produk penjagaan oral.

PENERANGAN SIMBOL

LOT Kod Kelompok	IVD Peranti Perubatan Diagnostik *In Vitro*	Sekatan Umur	DOM Tarikh Pengilangan
Jangan Guna Semula	Guna Sebelum	Rujuk Arahan untuk Penggunaan	
Pembatasan Suhu	Awas, Rujuk Dokumen yang Disertakan	EXP Tarikh Luput	
REF Nombor Katalog	Perkilangan	Tarikh Pengilangan	

Di Thailand untuk :

OraSure Technologies, Inc.
220 East First Street, Bethlehem, PA 18015 USA
(+1) 610-882-1820 • www.OraSure.com

© 2020 OraSure Technologies, Inc. • OraQuick®, rekaan logo, dan konfigurasi adalah tanda dagangan OraSure Technologies, Inc.

Item# 3001-3271-70
rev. 01/20

Item# 3001-3271 sem. 01/20